

21 APR 2002

MAHATHIR-HUBUNGAN/I

WUJUD HUBUNGAN KERAP, PENIAGA MALAYSIA, BAHRAIN DIGESA

Oleh: Mohd Arshi Daud/Khairdzir Mohd Yunus

MANAMA, 21 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa perhubungan yang lebih kerap antara para peniaga Malaysia dan Bahrain diperlukan bagi rangkaian perniagaan yang mantap.

"Cara yang berkesan untuk mengembangkan perniagaan di antara Malaysia dan Bahrain ialah untuk menggalakkan interaksi di kalangan peribadi yang lebih kerap di kalangan masyarakat perniagaan kedua-dua negara," kata beliau.

Bercakap pada majlis makan tengah hari perniagaan di sini Ahad, Dr Mahathir menyeru para peniaga yang mengiringi lawatan beliau ke Bahrain supaya membuat lawatan-lawatan susulan di masa akan datang untuk menerokai selanjutnya potensi-potensi yang dikenal pasti semasa lawatan itu.

Begitu juga, katanya, para peniaga Bahrain patut juga melawat Malaysia dengan kerap untuk memperolehi maklumat terperinci secara peribadi mengenai suasana perniagaan di Malaysia dan untuk memupuk perhubungan perniagaan yang telahpun dibentuk.

"Kerajaan-kerajaan boleh menjadi pemudah cara dan pembuka pintu bagi penubuhan perhubungan perdagangan dan ekonomi, dengan mengujudkan rangka kerja bagi kerjasama ekonomi yang lebih rapat dan melalui lawatan-lawatan.

"Bagaimanapun, tahap perhubungan yang dipertingkatkan perlu diusahakan oleh sektor swasta kedua-dua negara," kata Dr Mahathir, yang dalam lawatan terakhir selama seminggu ke tiga buah negara yang termasuk Maghribi dan Libya.

Perdana Menteri juga menggesa masyarakat peniaga kedua-dua negara supaya bersikap proaktif dan bekerja dengan amat keras dalam memupuk perhubungan perniagaan dan perdagangan.

"Ini bukan sahaja untuk berniaga di Bahrain dan Malaysia, tetapi juga pada tahap serantau dan sedunia berasaskan kerjasama," tambahnya.

Perdana Menteri berkata syarikat-syarikat Malaysia, termasuk Petronas dan Labuan Reinsurance (L) Ltd (Labuan Re) telah muncul dengan ketara di Bahrain.

Syarikat minyak negara itu telah menubuhkan tapaknya di Bahrain dan Labuan Re, yang diperbadankan di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan, telah menubuhkan cawangan di negara ini.

Dr Mahathir, yang semasa makan tengah hari itu merasmikan cawangan Labuan Re Bahrain berkata cawangan itu dijangka memainkan peranan utama dalam meluaskan perniagaan syarikat di rantau Teluk, Turki, dan juga Afrika Utara dan Timur.

"Bank perdagangan terbesar Malaysia, Maybank tidak lama lagi akan mengendalikan sebuah pejabat cawangan Julai tahun ini yang menumpukan kepada perbankan Islam," kata beliau.

Sambil menggesa syarikat-syarikat Malaysia supaya mengambil petunjuk daripada Petronas dan Maybank dalam menempatkan operasi serantau mereka di Bahrain, katanya mereka patut berbuat demikian untuk memperolehi potensi yang luas di rantau Teluk yang sedang berkembang pesat.

Beliau juga berkata bahawa rantau Asia Barat adalah pasaran penting bagi Malaysia.

Tahun lalu, perdagangan Malaysia dengan negara-negara Asia Barat berjumlah AS\$3.6 bilion (RM13.68 bilion), lebih tinggi sedikit daripada AS\$3.4 bilion (RM12.92 bilion) pada tahun 2000.

Dalam lima tahun yang lalu, perdagangan dua hala di antara Malaysia dan Bahrain telah berganda kepada AS\$82.9 juta (RM315.02 juta) pada 2001 dari

AS\$42.8 juta (RM162.64 juta) pada 1997.

Beliau juga menyatakan keyakinan bahawa aliran perdagangan di antara kedua-dua negara boleh terus diperkembangkan. -- BERNAMA

MAD KHY MFJ MKO OS